

13 FEB 2001

GPMS-Perhimpunan

GPMS AJAK SEMUA PENUNTUT IPT SERTA PERHIMPUNAN PATRIOTISME

KUALA TERENGGANU, 13 Feb (Bernama) -- Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) meminta semua penuntut Institusi Pengajian Tinggi (IPT) supaya hadir di Perhimpunan Patriotisme Alaf Baru di Stadium Malawati, Shah Alam, Selangor pada 18 Feb ini.

Setiausaha Agungnya, Syed Anuar Syed Mohamad berkata GPMS sendiri akan menghantar 1,000 anggotanya pada perhimpunan itu yang disifatkan mampu menjadi pencetus semangat patriotisme di kalangan generasi muda.

Beliau berkata penyertaan pelajar dan belia pada perhimpunan itu penting sebagai bukti bahawa mereka juga sanggup berada di barisan hadapan dalam mempertahankan maruah agama, bangsa dan tanahair.

"Perhimpunan itu akan menjadi bukti bahawa pelajar dan belia kita juga mempunyai jatidiri dan berani ke hadapan mempertahankan negara," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Syed Anuar berkata GPMS yakin perhimpunan itu mampu menyuntik semangat cintakan negara di kalangan belia terutamanya ketika menghadapi cabaran serangan media asing yang mahu menggugat kestabilan negara ini.

Beliau berkata sebagai generasi yang prihatin, golongan belia wajar menyahut cabaran pada perhimpunan itu agar mereka tidak terus dilabelkan sebagai golongan yang tidak peka dengan perkembangan semasa.

"Perhimpunan itu bagi kami sangat kena pada masanya, apatah lagi golongan belia kini terdedah dengan pelbagai cabaran yang mampu menggugat ketahanan diri jika tidak ditanam dengan semangat patriotisme," katanya.

Beliau berkata GPMS turut mengajak semua badan yang mewakili belia atau individu belia di negara ini memberikan sokongan terhadap perhimpunan itu yang akan dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Syed Anuar berharap mereka yang menghadiri perhimpunan itu nanti akan pulang dengan iltizam baru agar menjadi generasi yang akan berjuang untuk mempertahankan negara tercinta.

-- BERNAMA

AYB AKD